

23 MAY 2002

MAHATHIR-TONGKAT/I

DR MAHATHIR SAKSI MOU BERNILAI RM122 JUTA UTK BEKALAN TONGKAT ALI KE KOREA

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis menandatangani perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia dan Korea Selatan bagi pembekalan pati larut air *Eurycoma Longifolia* atau "Tongkat Ali" bernilai RM122 juta ke Korea.

Perjanjian MoU itu ditandatangani antara Phytes Biotek Sdn Bhd dan Dae Seong Trading Company Limited bersempena dengan lawatan rasmi perdana menteri ke Korea.

Perjanjian itu akan menyaksikan bekalan selama lima tahun pati Tongkat Ali ke syarikat pengeluaran makanan dan minuman Korea, kata ketua pegawai eksekutif dan pengerusi Phytes Biotek, Dr Johari Mohd Saad.

"Tiada faktor kesan sampingan dan pelbagai kegunaan Tongkat Ali ini menjadikan ia begitu menarik kepada pasaran global," kata beliau dalam satu kenyataan dari Seoul yang dikeluarkan hari ini.

"Perjanjian kami dengan Dae Seong akan membantu menjadikan Tongkat Ali Phytes sebagai alternatif herba yang berdaya maju dalam industri minuman bertenaga," kata beliau.

"Kesedaran, penerimaan dan permintaan yang kian meningkat untuk produk kami telah membuka jalan lain untuk penembusan pasaran. Pelaburan MAVCAP dan perjanjian Dae Seong akan meningkatkan lagi permintaan dan pilihan penggunaan," tambah beliau.

Mohd Azwar Mahmud, ketua pegawai eksekutif Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP), yang turut menyaksikan majlis MoU itu berkata "Inovasi teknologi, pengkomersilan dan potensi kewujudannya di persada global telah menjadikan Phytes pelaburan yang amat menarik untuk MAVCAP."

"Majlis ini menandakan sejarah penting bagi ketiga-tiga pihak," kata beliau.

Phytes dan Dae Seong mengorak satu langkah dengan memasuki arena antarabangsa sementara MAVCAP pula sedang menyaksikan kemunculan sebuah firma neutraceutical antarabangsa yang berpangkalan di Malaysia, kata Mohd Azwar.

Di bawah MOU itu, Phytes Biotek akan membekalkan pati Tongkat Ali sementara Dae Seong akan menyediakan dan memasarkan perahan pati itu menjadi minuman tenaga herba untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Dae Seong juga akan mengendalikan aktiviti-aktiviti pengedaran.

Phytes Biotek merupakan sebuah syarikat neutraceutical yang diterajui oleh para saintis Malaysia yang merintis inovatif perahan herba tropikal.

Platform teknologi mereka dalam proses pemerahan herba dirancang untuk dipatenkan. Phytes merupakan penerima pertama pelaburan MAVCAP.

Syarikat itu mengeluarkan perahan herba bermutu tinggi dan bercadang untuk meneroka ke dalam pengeluaran penjagaan kesihatan dan lain-lain neutraceutical berasaskan herba dan produk ubatan-phyto berasaskan kepada sumber-sumber "biodiversity" Malaysia.

Sebagai sebuah agensi modal teroka, MAVCAP ditubuhkan untuk melabur dalam usahawan berasaskan teknologi di samping merangsangkan lagi pertumbuhan industri modal teroka di Malaysia.

MAVCAP merupakan rakan keusahawanan dan penyedia modal teroka dan pembiayaan peringkat awal bagi sektor-sektor ICT dan pertumbuhan tinggi. --
BERNAMA

MR SD AA